

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000143667

**PERSEPSI KAUNSELOR PELATIH TERHADAP
PENDEDAHAN KENDIRI KAUNSELOR DALAM SESI
KAUNSELING**

AINA RAZLIN BINTI MOHAMMAD ROOSE

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Program Kaunseling
Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2004

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : PERSEPSI KAUNSELOR PELATIH TERHADAP PENDEDAHAN KENDIRI KAUNSELOR
DALAM SESI KAUNSELING

SESI PENGAJIAN : 2004/2005

Saya : AINA RAZLIN BINTI MOHAMMAD ROOSE

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik,
Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. ** sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

3, JALAN TUNGGU G/1E,

SEKSYEN 6,

40000 SHAH ALAM SELANGOR


Tarikh: 15 JULAI 2005

Tarikh: 15/7/05

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai TERHAD.

Projek bertajuk Persepsi Kaunselor Pelatih Terhadap Pendedahan Kendiri Kaunselor Dalam Sesi Kaunseling disediakan oleh Aina Razlin Binti Mohd. Roose dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian.

Diterima untuk diperiksa oleh :



Pn. Sabasiah Binti Husin

Tarikh :

28 Mac 2005

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t, pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia Projek Tahun Akhir saya, Puan Sabasiah Husin yang telah banyak membimbing saya dalam menjayakan projek tahun akhir saya ini. Tidak lupa juga kepada Encik Mohd Razali Othman yang turut memberi tunjuk ajar kepada saya bagi memperbaiki mutu kajian ini.

Buat keluarga tercinta, Ayah (Mohammad Roose Mohd Adam), Mama (Suhaina Mohamad), Dik Lan (Mohammad Adlan), Adik (Aina Adilah), dan Baby (Aina Syafiqah) yang telah banyak memberi sokongan moral kepada saya sepanjang menjalani kajian ini, jutaan terima kasih saya ucapkan. Sokongan anda semua amatlah berharga buat saya.

Kepada rakan-rakan yang terdekat, terutama Amin Al Haadi, Wan Nor Ashikin, dan Nik Haslinda, terima kasih kerana sentiasa berada di samping saya memberi sokongan dari segi mental dan emosi dalam meneruskan usaha. Juga tidak lupa kepada responden-responden yang terlibat dalam menjayakan projek ini, kerjasama anda amat dihargai .

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan/Acknowledgement		iii
Jadual Kandungan/Table of Contents		iv
Senarai Jadual/List of Figures		vi
Abstrak/Abstract		x
<i>Abstract/Abstrak</i>		
1. BAB 1 PENDAHULUAN		
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	4
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	7
1.4	Hipotesis	9
1.5	Kerangka Konseptual	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Definisi	11
1.8	Limitasi Kajian	17
2. BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS		
2.1	Pengenalan	19
2.2	Sejarah Perkembangan Pendedahan Kendiri	19
2.3	Definisi Pendedahan Kendiri	21
2.4	Kesan Penggunaan Pendedahan Kendiri	24
2.5	Elemen dalam Penggunaan Pendedahan Kendiri oleh Kaunselor	29
2.6	Pengaruh Jantina ke atas Elemen Pendedahan Kendiri yang ingin dikongsi	33
2.7	Pengaruh Umur ke atas Elemen Pendedahan Kendiri yang ingin dikongsi	34
2.8	Pengaruh Bangsa ke atas Elemen Pendedahan Kendiri yang ingin dikongsi	35
2.9	Pendedahan sendiri dan etika kaunseling	36
2.10	Teori Pendedahan Kendiri	39
3. BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	46
3.2	Reka bentuk Kajian	46
3.3	Sampel Kajian	47
3.4	Pemboleh Ubah	48
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	49
3.6	Instrumen kajian	49
	3.6.1 Bahagian Pertama	49

	3.6.2 Bahagian Kedua	49
3.7	Analisa Data	50
	3.7.1 Pengujian Persepsi Kaunselor Pelatih terhadap Elemen Pendedahan Kendiri Kaunselor	51
	3.7.2 Pengujian Hipotesis	52
4. BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	55
4.2	Hasil Kajian	55
4.3	Penganalisan demografi responden	56
	4.3.1 Taburan Bilangan Responden berdasarkan Jantina	56
	4.3.2 Persepsi klien / kaunselor pelatih terhadap elemen-elemen pendedahan sendiri	60
	4.3.3 Elemen yang paling ingin diketahui dan yang paling tidak ingin diketahui	76
	4.3.4 Hipotesis kajian	77
5. BAB 5 RUMUSAN, KESIMPULAN, DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	101
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	101
5.3	Implikasi Kajian	102
	5.3.1 Implikasi kepada bidang akademik	102
5.4	Cadangan kepada kaunselor	103
5.5	Cadangan kepada pengkaji akan datang	103
5.6	Kesimpulan	104
BIBLIOGRAFI		105
LAMPIRAN		112

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 Nilai Skala Likert 4 mata	50
Jadual 3.2 Skala keputusan ujian skor min	52
Jadual 3.3 Tafsiran pekali Kolerasi Pearson 'r'	53
Jadual 3.4 Rumusan penganalisan data	54
Jadual 4.1 Bilangan Responden berdasarkan Jantina	56
Jadual 4.2 Bilangan Responden berdasarkan Umur	57
Jadual 4.3 Bilangan Responden berdasarkan Bangsa	58
Jadual 4.4 Bilangan Responden berdasarkan Bilangan sesi	59
Jadual 4.5 Min skor elemen hubungan interpersonal	60
Jadual 4.6 Nilai peratusan item elemen hubungan interpersonal berdasarkan persepsi 'ingin diketahui'	61
Jadual 4.7 Min skor elemen perasaan personal	62
Jadual 4.8 Nilai peratusan item elemen perasaan personal berdasarkan persepsi 'ingin diketahui'	63
Jadual 4.9 Min skor elemen isu-isu seksual	64

Jadual 4.10 Nilai peratusan item elemen isu-isu seksual berdasarkan persepsi ‘tidak ingin diketahui’	65
Jadual 4.11 Min skor elemen isu-isu profesional	66
Jadual 4.12 Nilai peratusan item elemen isu-isu profesional berdasarkan persepsi ‘sangat ingin diketahui’	67
Jadual 4.13 Min skor elemen kejayaan / kegagalan	68
Jadual 4.14 Nilai peratusan item elemen kejayaan/kegagalan berdasarkan persepsi ‘sangat ingin diketahui’	69
Jadual 4.15 Min skor elemen sikap (hal-hal lain)	70
Jadual 4.16 Nilai peratusan item elemen sikap (hal-hal lain) berdasarkan persepsi ‘ingin diketahui’	71
Jadual 4.17 Min skor elemen pengalaman dan kemahiran menyelesaikan masalah	73
Jadual 4.18 Nilai peratusan item elemen pengalaman dan kemahiran menyelesaikan masalah berdasarkan persepsi ‘ingin diketahui’	75
Jadual 4.19 Perbezaan di antara Jantina berdasarkan elemen Hubungan Interpersonal	77
Jadual 4.20 Perbezaan di antara Jantina berdasarkan elemen Perasaan Personal	77
Jadual 4.21 Perbezaan di antara Jantina berdasarkan elemen Isu-isu seksual	78

Jadual 4.22 Perbezaan di antara Jantina berdasarkan elemen Isu-isu profesional	79
Jadual 4.23 Perbezaan di antara Jantina berdasarkan elemen Kejayaan / Kegagalan	81
Jadual 4.24 Perbezaan di antara Jantina berdasarkan elemen Sikap (hal-hal lain)	81
Jadual 4.25 Perbezaan di antara Jantina berdasarkan elemen Pengalaman dan kemahiran menyelesaikan masalah	82
Jadual 4.26 Perkaitan Umur dengan elemen Hubungan Interpersonal	84
Jadual 4.27 Perkaitan Umur dengan elemen Perasaan Personal	84
Jadual 4.28 Perkaitan Umur dengan elemen Isu-isu seksual	85
Jadual 4.29 Perkaitan Umur dengan elemen Isu-isu profesional	85
Jadual 4.30 Perkaitan Umur dengan elemen Kejayaan / kegagalan	86
Jadual 4.31 Perkaitan Umur dengan elemen Sikap (hal-hal lain)	86
Jadual 4.32 Perkaitan Umur dengan elemen Pengalaman dan kemahiran menyelesaikan masalah	87
Jadual 4.33 Perbezaan di antara Bangsa berdasarkan elemen Hubungan Interpersonal	89
Jadual 4.34 Perbezaan di antara Bangsa berdasarkan elemen Perasaan Personal	90
Jadual 4.35 Perbezaan di antara Bangsa berdasarkan elemen Isu-isu seksual	90

Jadual 4.36 Perbezaan di antara Bangsa berdasarkan elemen Isu-isu profesional	91
Jadual 4.37 Perbezaan di antara Bangsa berdasarkan elemen Kejayaan / Kegagalan	93
Jadual 4.38 Perbezaan di antara Bangsa berdasarkan elemen Sikap (hal-hal lain)	93
Jadual 4.39 Perbezaan di antara Bangsa berdasarkan elemen Pengalaman dan kemahiran menyelesaikan masalah	94
Jadual 4.40 Perkaitan Bilangan Sesi dengan elemen Hubungan Interpersonal	96
Jadual 4.41 Perkaitan Bilangan Sesi dengan elemen Perasaan Personal	96
Jadual 4.42 Perkaitan Bilangan Sesi dengan elemen Isu-isu seksual	97
Jadual 4.43 Perkaitan Bilangan Sesi dengan elemen Isu-isu Profesional	97
Jadual 4.44 Perkaitan Bilangan Sesi dengan elemen Kejayaan / kegagalan	99
Jadual 4.45 Perkaitan Bilangan Sesi dengan elemen Sikap (hal-hal lain)	99
Jadual 4.46 Perkaitan Bilangan Sesi dengan elemen Pengalaman dan kemahiran menyelesaikan masalah	100

ABSTRAK

Persepsi Kaunselor Pelatih Terhadap Pendedahan Kendiri Kaunselor Dalam Sesi Kaunseling

Aina Razlin binti Mohammad Roose

Kajian ini merupakan satu kajian yang mengkaji mengenai persepsi kaunselor pelatih terhadap elemen-elemen pendedahan kendiri yang digunakan oleh kaunselor semasa sesi kaunseling dijalankan. Elemen-elemen yang dikaji adalah elemen hubungan interpersonal, perasaan personal, isu-isu seksual, isu-isu profesional, kejayaan / kegagalan, dan pengalaman dan kemahiran menyelesaikan masalah. Kajian ini dijalankan di Universiti Malaysia Sarawak di kalangan pelajar-pelajar kaunseling tahun 1 hingga tahun 4. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaunselor pelatih berminat untuk mengetahui kesemua elemen kecuali elemen isu-isu seksual. Selain itu, tidak terdapat perbezaan di antara faktor jantina, dan faktor bangsa berdasarkan elemen-elemen pendedahan kendiri. Dapatan kajian juga mendapati bahawa tiada perkaitan di antara faktor umur dan faktor bilangan sesi dengan elemen-elemen pendedahan kendiri. Kajian ini boleh dijadikan panduan kepada kaunselor profesional dalam menentukan jenis-jenis elemen yang ingin didedahkan semasa mengaplikasikan teknik pendedahan kendiri di dalam sesi kaunseling.

ABSTRACT

The Perception of Training Counselors towards Counselors' Self-Disclosure in Counseling Sessions.

Aina Razlin binti Mohammad Roose

The purpose of this research is to study on the perception of training counselors towards the elements of self-disclosure by counselor during the counseling sessions. The elements consist of interpersonal relations, personal feelings, sexual issues, professional issues, success and failures, and experiences and expertise in problem solving. This research involves the counseling students of University Malaysia Sarawak from year 1 to year 4. The findings showed that the training counselors would like their counselors to self-disclose on all elements excluded the sexual issues. There are no differences between the factor of genders, and races, based on the elements of self-disclosure. The finding of this research also showed that there are no correlation between age and number of sessions with the self-disclosure elements. This research can be used as a guideline to professional counselors in order to determine the elements that can be used while applying the self-disclosure technique in counseling sessions.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Pendedahan sendiri oleh kaunselor kepada klien merupakan satu isu yang kontroversi dalam dunia psikologi kaunseling (Nilsson, Strassberg dan Bannon, 1979). Pelbagai pendapat diutarakan melalui kajian-kajian mengenai keberkesanan penggunaan pendedahan sendiri sebagai teknik yang terapeutik, kesan terhadap klien, rasionalnya, masa penggunaan dan sebagainya. Terdapat kajian yang mendapati pendedahan sendiri merupakan antara teknik yang sihat dalam proses kaunseling dan menggalakkan perkembangan sesi. Tidak kurang juga yang menyenaraikan keburukan penggunaannya yang melibatkan kewibawaan kaunselor dan etika kerana mengganggu fokus akibat '*counter transference*'. Oleh itu, sama ada penggunaan pendedahan sendiri oleh kaunselor

kepada klien boleh dikategorikan sebagai teknik yang terapeutik atau tidak, ianya masih kabur.

Pendedahan sendiri ditakrifkan sebagai proses komunikasi melalui mesej pembongkaran diri (Wheeles & Grotz, 1976). Powell (1969 ; 1974) pula memberi definisi pendedahan sendiri sebagai proses mendedahkan informasi mengenai diri sendiri yang signifikan dan selalunya tidak diketahui oleh orang lain.

Ini bermakna pendedahan sendiri berlaku apabila seseorang itu menceritakan mengenai dirinya, dan maklumat tersebut merupakan rahsia diri yang jarang dikongsi dengan orang lain. Oleh itu, maklumat mengenai warna rambut seseorang, cara berpakaian, budaya dan nilai hidup yang telah sedia diketahui oleh orang ramai tidak dianggap sebagai pendedahan sendiri.

Maka, berdasarkan maksud pendedahan sendiri Knox (1997), mendefinisikan pendedahan sendiri oleh kaunselor kepada klien sebagai satu interaksi di mana kaunselor mendedahkan maklumat mengenai peribadinya dan / atau mendedahkan reaksi dan respon kepada klien semasa mereka menjalani sesi.

Pendedahan sendiri kebiasaannya digunakan di dalam terapi kognitif-tingkahlaku (*cognitive-behavioral therapy*). Di dalam sesi kaunseling, menurut Zuraidah Abdul Rahman (1988), pendedahan sendiri selalunya berlaku pada peringkat ketiga iaitu peringkat perkembangan setelah klien mempunyai tahap kelesaan dan rasa kepercayaan yang tinggi. Ini kerana pendedahan sendiri sukar dilakukan

tanpa atmosfera yang menggalakkan. Pendedahan sendiri hanya dibuat apabila seseorang rasa selamat dan dihargai (Steel, 1991).

Peranan melakukan pendedahan sendiri di dalam sesi kaunseling sebenarnya adalah peranan klien. Namun, pendedahan sendiri oleh kaunselor mempunyai beberapa tujuan tertentu.

Tujuan penggunaan pendedahan sendiri oleh kaunselor kepada klien sebenarnya adalah untuk membina hubungan yang lebih rapat dan mendalam dengan menggalakkan klien bercakap dan mengutarakan isu (Bach & Deutsch, 1970; Powell, 1969, 1974). Selain itu, sekiranya kaunselor mempunyai pengalaman yang sama, ia boleh digunakan bagi menunjukkan kepada klien bahawa klien tidak menghadapi masalah tersebut seorang diri. Ini boleh mengelakkan klien dari berasa rendah diri.

Derlega, Metts, Petronio, Margulis (1993) pula mendedahkan fungsi pendedahan sendiri yang antaranya ialah untuk seseorang mendapatkan sokongan moral terhadap pemikiran dan perasaannya, serta untuk meminta bantuan. Maka, pendedahan sendiri yang dilakukan oleh kaunselor secara tidak langsung dapat memberi sokongan kepada klien dan membantunya melihat dan memfokus masalah.

Pendedahan sendiri juga dapat menunjukkan yang kaunselor turut mempunyai pengalaman seperti ketakutan, pemikiran dan kesakitan yang sama seperti klien

(Crabb, 1993). Maka, melalui ekspresi ini, kaunselor berharap dapat menimbulkan kepercayaan di dalam diri klien.

1.1 Latar belakang Kajian

Pendedahan sendiri oleh kaunselor kepada klien merupakan antara teknik yang diamalkan bagi membantu klien dalam proses penyembuhan. Kajian empirikal yang dilakukan oleh Powell, 1968 menunjukkan klien akan lebih bersedia berkongsi dan mendedahkan masalah apabila kaunselor melakukan pendedahan sendiri.

Walau bagaimanapun, pengamalan teknik pendedahan sendiri oleh kaunselor bagi menggalakkan klien untuk berkongsi masalah perlulah dilakukan dengan berhati-hati. Ini bagi mengelakkan berlakunya *transference* dan pertukaran peranan di antara kaunselor dan klien. Maka, pemilihan jenis elemen yang boleh didedahkan oleh kaunselor amatlah penting.

Noriah Mohd Ishak (2000) menyatakan salah satu cara untuk melihat dan mengetahui elemen apakah yang sesuai untuk pendedahan sendiri kaunselor adalah melalui perspektif klien.

Knox et al. (1997) pula mencadangkan bahawa klien ingin kaunselor mendedahkan kendirinya mengenai isu peribadi apabila mereka mengalami masalah yang sama. Klien menganggap melalui perkongsian ini, mereka dapat

memastikan bahawa kaunselor turut mengalami kehidupan yang normal seperti mereka.

Knox juga menambah pendedahan sendiri yang dilakukan oleh kaunselor akan membawa kesan yang positif seperti memberi perspektif baru dalam membuat perubahan.

Menurut Glasser (1975), kaunselor haruslah rela untuk membuat pendedahan sendiri sekiranya ia adalah mengenai minat klien dan ini dapat membina hubungan yang baik antara kaunselor dan klien, serta dapat meningkatkan kebolehan klien membantu diri mereka sendiri.

1.2 Pernyataan Masalah

Walaupun penggunaan teknik pendedahan sendiri oleh kaunselor ini mempunyai kelebihan dan tujuan yang baik, namun penggunaan yang melampau akan menyebabkan sesi kaunseling yang dijalankan tidak berkesan (Borchers,1999). Penggunaan pendedahan sendiri seharusnya mempunyai limitasi agar bertepatan dengan matlamat sesi.

Menurut Patterson (1985), kaunselor seharusnya tahu apa yang harus didedahkan iaitu yang berkaitan dengan terapi, dan apa yang tidak sepatutnya didedahkan semasa penggunaan teknik pendedahan sendiri ini. Pendedahan sendiri yang

dibuat oleh kaunselor seharusnya memberi manfaat kepada klien dan bukannya untuk kepuasan dan kepentingan kaunselor semata-mata.

Secara umumnya, untuk menggunakan teknik pendedahan sendiri secara berkesan dan terapeutik, kaunselor seharusnya mengambil kira situasi klien seperti sosial, emosi, kognitif dan pembangunan tahap perfungsiannya klien (Mahalik, van Ormer, & Simi, 2000, p. 196). Ini termasuklah mengambil kira mengenai kerelaan klien untuk mendengar mengenai isi kandungan (elemen) pendedahan yang dilakukan oleh kaunselor (Goldstein, 1994).

Oleh itu, dalam penggunaan teknik pendedahan sendiri adalah penting untuk kaunselor mengetahui aspek elemen yang ingin klien tahu dan klien tidak ingin tahu. Maka, di dalam kajian ini pengkaji berminat untuk mengkaji elemen yang manakah yang ingin diketahui oleh klien dan elemen manakah yang tidak ingin diketahui oleh klien semasa kaunselor membuat pendedahan sendiri kepada klien, menurut pandangan klien sendiri bagi menjadikan teknik pendedahan sendiri sebagai teknik yang terapeutik.

Kajian yang dijalankan oleh Hedrick (1988;1990), Knox, Hess, Petersen, dan Hill (1997), dan VandeCreek dan Andstadt (1985) menunjukkan bahawa klien mempunyai keinginan untuk mengetahui beberapa jenis elemen pendedahan sendiri oleh kaunselor yang antaranya ialah isu profesional, perasaan personal, kejayaan dan kegagalan, hubungan interpersonal, dan sikap.

Pengkaji memuatkan elemen-elemen tersebut di dalam kajian ini bagi melihat persepsi kaunselor pelatih dan menambah 2 jenis elemen iaitu elemen seksual dan elemen pengalaman dan kemahiran menyelesaikan masalah. Kaunselor pelatih merupakan responden yang dipilih sebagai klien kerana mereka merupakan antara individu yang menjalani sesi bersama kaunselor dan bertindak sebagai klien.

1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Objektif Umum

Mengenalpasti persepsi kaunselor pelatih terhadap elemen pendedahan sendiri yang dilakukan oleh kaunselor semasa sesi kaunseling dijalankan.

1.3.2 Objektif Khusus


1. Mengenalpasti persepsi kaunselor pelatih terhadap pendedahan sendiri yang dilakukan oleh kaunselor di dalam proses kaunseling yang melibatkan elemen-elemen berikut:
 - a) Mengenalpasti persepsi kaunselor pelatih terhadap pendedahan sendiri yang berlaku dalam sesi kaunseling yang mengandungi elemen hubungan interpersonal
 - b) Mengenalpasti persepsi kaunselor pelatih terhadap pendedahan sendiri yang berlaku dalam sesi kaunseling yang mengandungi elemen isu perasaan

- c) Mengenalpasti persepsi kaunselor pelatih terhadap pendedahan sendiri yang berlaku dalam sesi kaunseling yang mengandungi elemen isu seksual
 - d) Mengenalpasti persepsi kaunselor pelatih terhadap pendedahan sendiri yang berlaku dalam sesi kaunseling yang mengandungi elemen isu profesional
 - e) Mengenalpasti persepsi kaunselor pelatih terhadap pendedahan sendiri yang berlaku dalam sesi kaunseling yang mengandungi elemen pencapaian
 - f) Mengenalpasti persepsi kaunselor pelatih terhadap pendedahan sendiri yang berlaku dalam sesi kaunseling yang mengandungi elemen sikap dan hal – hal lain.
 - g) Mengenalpasti persepsi kaunselor pelatih terhadap pendedahan sendiri yang berlaku dalam sesi kaunseling yang mengandungi elemen pengalaman dan kemahiran menyelesaikan masalah.
2. Mengenalpasti elemen pendedahan sendiri kaunselor yang paling ingin diketahui dan yang paling tidak ingin diketahui oleh kaunselor pelatih
 3. Mengenalpasti perbezaan antara faktor jantina, dan faktor umur berdasarkan elemen pendedahan sendiri kaunselor.
 4. Mengenalpasti perkaitan di antara faktor bangsa, dan faktor bilangan sesi yang dijalankan dan tahap pendidikan kaunselor pelatih dengan jenis elemen pendedahan sendiri.

1.4 Hipotesis Kajian

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina berdasarkan elemen-elemen pendedahan sendiri kaunselor
- Ho2 Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara umur dengan elemen-elemen pendedahan sendiri kaunselor
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara bangsa berdasarkan elemen-elemen pendedahan sendiri kaunselor
- Ho4 Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara bilangan sesi yang pernah dijalankan dengan elemen-elemen pendedahan sendiri kaunselor

1.5 Kerangka Konseptual



Pemboleh ubah tidak bersandar

Pemboleh ubah bersandar

Kerangka konseptual di atas menunjukkan hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar adalah faktor demografi seperti jantina, bangsa, umur, dan bilangan sesi yang dijalankan oleh kaunselor pelatih. Manakala pemboleh ubah bersandar pula adalah terdiri dari persepsi kaunselor pelatih terhadap elemen-elemen pendedahan sendiri kaunselor seperti hubungan interpersonal, perasaan personal, isu seksual, isu profesional, kejayaan atau kegagalan, sikap (hal – hal lain), dan pengalaman dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Kerangka ini menerangkan bahawa kajian yang ingin dijalankan adalah untuk melihat hubungan di antara faktor demografi dengan elemen-elemen pendedahan sendiri kaunselor. Selain itu, kajian ini juga akan mengkaji persepsi kaunselor pelatih terhadap setiap elemen yang dinyatakan.

Kerangka ini turut dapat membantu pengkaji untuk melihat dengan lebih jelas mengenai perancangan kajian yang ingin dilaksanakan.

1.6 Kepentingan Kajian

Penggunaan pendedahan sendiri oleh kaunselor secara terapeutik bukan sahaja menitikberatkan masa penggunaan serta tahap penggunaannya tetapi juga elemen atau kandungan yang ingin didedahkan.

Merujuk Bissell, LeClair, Royce, dan James E (1994), kaunselor tidak dilatih untuk melakukan pendedahan sendiri secara beretika dan inilah yang

menyebabkan pendedahan sendiri yang dilakukan oleh kaunselor selalunya melampaui etika .

Terdapat kajian-kajian lepas yang memperkatakan mengenai elemen yang sesuai dan elemen yang tidak seharusnya dikongsi oleh kaunselor kepada klien. Namun, dalam satu-satu kajian, hanya satu hingga dua elemen sahaja yang dipersembahkan dan dibincangkan.

Maka, kepentingan kajian ini adalah dilihat dapat membantu dan memberi panduan kepada kaunselor mengenai limitasi maklumat yang boleh dikongsi dan tidak boleh dikongsi bersama klien. Kajian ini juga turut menyumbang kepada elemen yang harus digunakan oleh kaunselor semasa pendedahan sendiri berjalan dan menepati kehendak klien.

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Kaunseling

Definisi Konseptual

Kaunseling adalah sebagai satu bentuk komunikasi di antara individu yang erat perhubungannya, melibatkan pertukaran pendapat di antara kaunselor dengan klien, berpusat kepada masalah atau keperluan lain yang memerlukan perhatian yang mendalam. (Harris Jr., 1976).

Definisi Operasional

Pengkaji mendefinisikan kaunseling sebagai hubungan bersemuka, mengambil masa yang tertentu serta dikendalikan oleh kaunselor yang bertauliah untuk membantu klien mencapai matlamat yang mereka kehendaki.

1.7.2 Klien

Definisi Konseptual

Menurut Shertzer dan Stone (1981) klien adalah individu yang hendak berkongsi sesuatu dengan orang lain (kaunselor) dalam usaha mencari jalan penyelesaian masalah, yang boleh berbincang tentang kebimbangan mereka, nilai hidup mereka dan memerlukan sokongan.

Definisi Operasional

Klien merupakan responden yang akan dikaji di dalam kajian ini. Klien yang dipilih adalah kaunselor pelatih yang pernah menjalani sesi kaunseling dengan kaunselor yang profesional dan berkelayakan.